

NO. SOALAN: 452

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

RUJUKAN : 9130

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah tuduhan bahawa tangkapan membanteras dadah hanya membabitkan pengedar kecil dan tidak menangkap "raja dadah"
<http://www.bharian.com.my/node/140820>.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dadah yang berlaku dalam negara. Kementerian melalui PDRM telah melaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan ke arah membanteras kegiatan pengedaran dadah di semua lapisan sama ada yang berskala besar atau kecil dan yang dijalankan oleh orang perseorangan atau yang melibatkan sindiket yang didalangi oleh orang tempatan atau luar negara. Dakwaan yang menyatakan bahawa tangkapan dadah hanya membabitkan pengedar kecil sahaja merupakan tuduhan yang tidak berasas.

Statistiknya, tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PDRM terhadap aktiviti pengedaran dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya termasuk tangkapan terhadap “Kingpin” bagi tahun 2013 sehingga Mac 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	TANGKAPAN SEK. 39B ADB 1952	TANGKAPAN DRUG KINGPIN
2013	4,214	33
2014	4,888	24
2015	5,324	21
2016 (JAN-MAC)	1,511	4
JUMLAH	15,937	82

Hasil penguatkuasaan yang dijalankan, PDRM telah berjaya menumpaskan kes pengedaran dadah dengan jumlah rampasan yang besar adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH KES BESAR
2010	37
2011	60
2012	59
2013	77
2014	79
2015	70
2016 (JAN-MAC)	25

Selain tindakan terhadap pengedar dadah, tangkapan juga dibuat terhadap penagih dadah. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2010 sehingga Februari 2016 di Malaysia adalah seramai 131,841 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 127,797 orang adalah lelaki dan seramai 4,044 orang adalah perempuan. Pecahan tangkapan adalah seperti berikut:-

Tahun	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
2010	23,062	97.55	580	2.45	23,642	100
2011	19,041	97.49	490	2.51	19,531	100
2012	14,662	97.09	439	2.91	15,101	100
2013	20,219	96.80	668	3.20	20,887	100
2014	21,078	96.79	699	3.21	21,777	100
2015	25,655	96.20	1,013	3.80	26,668	100
Setakat Feb 2016 ^p	4,080	96.34	155	3.66	4,235	100
JUMLAH	127,797		4,044		131,841	

Penyalahgunaan dadah masih merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaratan yang besar serta boleh menghancurkan keharmonian negara dan intitusi kekeluargaan itu sendiri. Peranan masyarakat amat penting untuk sama-sama berganding bahu dengan pihak berkuasa bagi membanteras kegiatan berkaitan dadah ini tanpa mengira fahaman politik, budaya dan agama masing-masing.